

31/12/2000

Jangan biar kemelut 2000 berlarutan

Kamal Ahmad

SELAMAT tinggal 2000 dan selamat datang 2001. Tahun 2000 yang menutup tirai hari ini mengungkapkan pelbagai cerita suka duka, baik di segi ekonomi, politik, keselamatan, bangsa dan bahasa selain beberapa isu yang menyentap hati nurani rakyat berbilang kaum di negara ini.

Apa pun, tragedi Sauk dan ketua kumpulan Al-Ma'unah - Mohd Amin Razali boleh disifatkan peristiwa paling menggemparkan berlaku di Malaysia sepanjang tahun ini. Kejadian rampasan ratusan senjata di Kem 304 dan Pos Dua dekat Grik, Perak itu pada awal Julai mendapat liputan meluas media dalam dan luar negara.

Peristiwa itu turut memaparkan beberapa 'penemuan baru' khususnya permulaan trend gerakan ekstrim bersenjata atas nama agama.

Kes itu turut memadatkan lagi senarai suka-duka di negara ini bagi 2000, yang turut dicemari isu gerakan ekstremis membabitkan kumpulan pelampau politik pembangkang dan pemimpin kaum. Tindakan tiga kumpulan itu sangat meresahkan rakyat sehingga ada rakyat yang menggambarkan klimaks atau kemuncak peristiwa ialah satu peristiwa 'yang tidak baik'.

Jika klimaks kumpulan Al-Ma'unah ialah penahanan 27 anggotanya selepas mereka menyerah diri, tetapi sehingga timbul pula isu berkaitan hak keistimewaan orang Melayu yang kini sedang dicari jalan penyelesaiannya. Tuntutan terhadap 83 perkara oleh Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia (Suqiu) masih panas dan boleh mencapai tahap mendidih jika tidak ada proses menyejukbekukannya dengan segera.

Isu Suqiu boleh diibaratkan sama seperti isu yang dibangkitkan oleh bekas Timbalan Presiden MCA, Datuk Lee Kim Sai pada 1987. Isu itu mendorong Sultan Selangor menarik balik gelaran 'Datuk' yang baginda anugerahkan kepada Kim Sai yang dilihat sudah menjolok sarang tebuhan. Malah kemuncak isu itu ialah kemarahan orang Melayu yang kemudian mengadakan perhimpunan besar-besaran di Padang TPCA, Kampung Baru.

Bagaimanapun, ketegangan menjadi semakin reda apabila kerajaan melancarkan Operasi Lalang pada Oktober 1987 membabitkan penahanan kira-kira 100 individu dan penutupan akhbar tertentu.

Justeru, isu tuntutan Suqiu tidak wajar berpanjangan dan diharap tidak menjadi hangat pada tahun baru. Juga tidak wajar sehingga Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) mengadakan 'roadshow' di seluruh negara membakar semangat orang Melayu dan mempamerkan kemarahan terhadap Suqiu.

Malah lebih tidak wajar jika membiarkan satu peristiwa 'tidak baik' untuk 'mengajar' Suqiu supaya faham dan tidak lagi berani menjolok sarang tebuhan. Kemarahan yang tidak terkawal lazimnya berakhir dengan tindakan tidak rasional dan kemudian dikesali apabila seseorang itu tenang semula.

Membiarkan isu Suqiu sehingga memasuki tahun 2001, adalah tidak wajar. Tahun baru tidak harus dimulakan dengan meneruskan suasana bimbang, cemas dan tegang. Tahun 2001 harus dimulakan dengan azam dan tekad baru. Apabila ini disebut, semua tindakan adalah sangat positif dengan satu matlamat, hasil dan kesudahan yang memberi manfaat. Suqiu harus faham tabiat orang Melayu yang gemar bertoleransi tetapi akan bangkit jika kepala terasa dipijak atau dia dimalukan.

Isu Suqiu juga wajar direnung oleh orang Melayu betapa sudah ada pihak berani mencabar hak mereka apabila orang Melayu dilihat mulai goyah dek perpecahan kerana pertentangan ideologi politik. Jika Kim Sai membangkitkan isu ketuanan Melayu selepas Umno berpecah dua pada pertengahan 1987, Suqiu pula memainkan isu 83 tuntutannya apabila dilihat

orang Melayu mulai berpecah selepas pilihan raya umum 1999.

Apabila kalangan cendekiawan Melayu merumuskan Suqiu berani mengemukakan tuntutan itu apabila Melayu mula berpecah dan lemah, maka pemimpin Melayu wajar menyegerakan usaha menyatupadukan semula orang Melayu kerana perpecahan mereka akan memberi kesan kepada rakyat dan negara ini. Jika ideologi politik menjadi penghalang, mereka harus memikirkan alternatif dan wadah baru untuk merapatkan semula barisan Melayu yang kian longlai.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata: "Perkembangan tahun 2000 ini tidak menyenangkan walaupun kita puas hati dengan ekonomi tetapi dalam politik kita lihat kehadiran keganasan." Jelaslah trend politik parti pembangkang semakin ke kiri dan dibuktikan melalui tindakan ganas penyokongnya ketika kempen pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Lunas, Kedah November lalu. Fobia pilihan raya itu ialah meningkatkan tindakan dan cara-cara ganas ketika berkempen. Jika trend ini tidak disekat, ia dikhuatiri akan mengheret Malaysia ke kancah politik ganas berselang-seli dengan tragedi berdarah. Ia diburukkan lagi setiap kali ada pilihan raya kecil malah menjelang kempen pilihan raya umum kemungkinan pada 2003 atau 2004.

Justeru, memandangkan kestabilan politik adalah teras kemajuan, keharmonian rakyat dan hidup aman sesebuah negara ini, tiga peristiwa ekstrim membabitkan Al-Maunah, parti pembangkang dan Suqiu tidak perlu berulang pada 2001.

Dalam percaturan serantau dan antarabangsa, ekstremisme adalah unsur paling berkesan untuk menjatuhkan sesebuah negara. Contoh terbaru, Indonesia lumpuh gara-gara gerakan pelampau pembaharuan. Republik itu diparahkan lagi dengan kemunculan gerakan pro-kemerdekaan di beberapa wilayahnya dan sengketa penduduk Islam-Kristian sebangsa terutama di Ambon.

Dengan mengambil kira unsur, potensi dan kesan yang sama, ekstremisme juga boleh dijadikan api untuk membakar dan melumpuhkan negara ini. Dengan esok tirai 2000 akan dilabuhkan, sesungguhnya rakyat Malaysia masih disayangi Allah dan diselisihkan daripada mengalami pelbagai tragedi yang memusnahkan hidup aman damai sekarang.

Tahun 2001 perlu dimulakan beberapa usaha pembetulan dan keinsafan. Jika pelantikan Datuk Ainum Mohd Saaid sebagai Peguam Negara yang baru dengan satu azam iaitu menjadikan Jabatan Peguam Negara lebih telus dalam menyalurkan maklumat kepada orang ramai, maka ia perlu disegerakan selepas peranan jabatan itu sebelum ini dipandang negatif oleh masyarakat lalu timbul pelbagai kritikan terhadap keberkesanannya dalam menjalankan tugas.

Pindaan sekurang-kurangnya enam akta berkaitan etika dan tindak-tanduk ketika kempen pilihan raya serta berceramah politik juga perlu disegerakan. Ini penting supaya ekstremis politik dan agama tidak menjadi duri dalam jalinan perpaduan orang Melayu serta rakyat negara ini seluruhnya.

Kerajaan juga wajar memberi penerangan terperinci mengenai kesan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat yang diramalkan pada 2001 kepada negara dan rakyat Malaysia. Mengambil iktibar daripada kegawatan ekonomi pada 1997 yang hampir melumpuhkan negara, cabaran ekonomi pada alaf ini perlu ditangani dengan bijaksana dan berhemah apa lagi dengan kejatuhan harga komoditi terutama kelapa sawit. Ini penting supaya tidak ada lagi puak mengambil kesempatan daripada sebarang kegawatan ekonomi untuk menjatuhkan kerajaan.

Selain itu, menginsafi Umno adalah tulang belakang kerajaan Barisan Nasional (BN) maka pembetulan terhadap 'kelemahan dan kesalahan' parti itu perlu dilakukan lebih cergas dan menepati sasaran. Apabila Pas berani mendakwa parti itu kini wadah Melayu, ia bukan setakat satu tamparan, malah perlu dibuktikan oleh Umno bahawa ia tidak benar. Umno perlu

menunjukkan bukti-buktinya dan usaha pembedahan tidak wajar sekadar retorik tetapi perlu dilaksanakan.

Rumusan daripada ketiga-tiga isu ini ialah Islam perlu dibebaskan daripada eksploitasi pemimpin politik; Umno dengan kerjasama Pas dan Keadilan harus menyatupadukan semula orang Melayu dan hak keistimewaan Melayu usah dipertikaikan lagi.

Jika pada tahun 2000 memperlihatkan ketiga-tiga unsur itu terjejas dan mengakibatkan ketegangan politik serta antara kaum, semua pihak harus bertekad serta berusaha memastikan ia terpelihara pada 2001 yang akan muncul beberapa jam lagi. Memelihara Islam, Umno dan Melayu oleh semua pihak adalah jaminan 100 peratus untuk rakyat serta negara ini terus aman, makmur dan maju pada tahun-tahun akan datang seperti mana dibuktikan pada tahun-tahun sebelum ini.

Apa yang penting mulakan tahun baru 2001 dengan senyuman.

(END)